

18/12/1997

Menunggu komitmen negara G-7

SAMBIL memuji Malaysia sebagai pejuang utama kerjasama serantau dan antarabangsa, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan menegaskan tiada negara, tidak kira bagaimana berpengaruh ataupun kaya dengan sumber sekalipun boleh menangani sendiri masalah dunia sekarang. Ini kerana masalah sekarang terlalu kompleks dan saling berhubung kait. Lantaran itu, dalam dunia yang penuh persaingan, ancaman dan peluang global, semua negara mesti mendapat manfaat daripada kerjasama antarabangsa. Tiada negara boleh terkecuali daripadanya.

Annan yang mengadakan lawatan rasmi empat hari di Malaysia yakin slogan yang selalu digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu 'prosper thy neighbour' atau memakmurkan jiran tidak sekadar slogan. Sebaliknya ia adalah pendekatan praktikal yang membayangkan persefahaman yang lebih mengenai aspek hidup sezaman yang merentasi sempadan. Beberapa jam selepas Beijing dan Tokyo mengumumkan tindakan membantu negara Asia yang kini menghadapi kepayahan ekonomi, Washington buat kali pertama sepanjang musim krisis mata wang di Asia, membuat kenyataan yang barangkali tidak diduga sebelum ini. Agak mengejutkan juga ia datang daripada mulut Presiden Bill Clinton sendiri yang sebelum ini kenyataan beliau yang retorik itu hanya menyerahkan segala usaha menangani kegawatan sekarang kepada rangka kerja Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Dalam sidang akhbar menjelang tahun baru, mungkin selepas melihat komitmen yang ditunjukkan oleh Jepun dan China, Clinton kelmarin menegaskan Amerika Syarikat dan negara kuasa ekonomi lain perlu melakukan sesuatu yang lebih untuk memastikan negara yang menghadapi masalah bertapak semula dan pada masa yang sama memastikan Amerika tidak menerima kesannya.

Jelasnya, Amerika di sebalik pengaruh kuatnya terhadap IMF juga semakin bimbang dengan apa yang berlaku dan yang boleh dilakukannya sekarang untuk mengutuhkannya sebagai kuasa ekonomi terbesar dunia. Walaupun Washington masih gah menyatakan ekonomi Amerika tetap kukuh, kini ia tidak dapat lari daripada hakikat nasib dan masa depan kedudukan kewangan negara itu, walaupun dolar terus kukuh, begitu bergantung kepada kestabilan pasaran sejagat. Apatah lagi pertumbuhan eksportnya adalah satu pertiga daripada keseluruhan pertumbuhan ekonomi negara itu dengan 40 peratus dagangan luarnya adalah ke negara Asia. Malah Clinton mempersoalkan pula kemungkinan AS\$100 bilion dana IMF untuk membantu Thailand, Indonesia dan Korea itu jauh daripada mencukupi bagi memulihkan keadaan ekonomi tiga negara itu dan percaya semua pihak perlu melakukan sesuatu yang lebih lagi menstabilkan keadaan. Walaupun ramai menganggap kenyataan Clinton itu sebagai mengimbangi jaminan terhadap Asia yang diberi oleh Jepun dengan menurunkan kadar faedah pinjaman Yen manakala China pula berjanji tidak menilai semula yuan, masyarakat Asia tentunya berharap Amerika memulakan langkah awal berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Presidennya. Dunia mengakui, Amerika adalah kuasa ekonomi yang kuat dan berpengaruh. Seperti kata Dr Mahathir ketika menghadiri mesyuarat pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada, bulan lalu "Amerika sangat berkuasa. Jika mereka membuat keputusan untuk bertindak, saya yakin banyak keputusan baik dapat dihasilkan terutamanya jika bertindak mengikut arah yang betul. Jika sebaliknya, pasti kita akan menghadapi masalah."

Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto semalam juga mengumumkan langkah berani iaitu pemotongan cukai pendapatan AS\$15 billion dolar yang dilihat akan memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna dan seterusnya

kepada ekonomi secara menyeluruh. Langkah itu disambut baik oleh Clinton. Kini masyarakat Asia meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada dua kuasa besar iaitu Jepun dan China untuk membantu kepada pemulihan ekonomi mereka. Mereka percaya jika kedua-dua negara itu boleh berkorban dan menyingsing lengan untuk memakmurkan rantau ini, sewajarnya tiada sebab Amerika hanya berdiam diri. Asean yang bermesyuarat beberapa hari lalu juga sudah menyatakan hasrat untuk mengadakan pertemuan dengan negara Kumpulan Tujuh (G-7) bagi memikirkan sama usaha dan langkah drastik mengembalikan semula kegemilangan ekonomi rantau ini. Secara ideal dan praktikalnya kita mengidam melihat komitmen kuasa besar lain dalam G-7 yang bukan di kalangan Asia untuk menghulur tangan seperti yang disebut oleh Kofi Annan bahawa kita saling bergantung dan memerlukan.

(END)